

Bab (3): Melawat Wanita Yang Sakit.²⁴

dirahmatiNya." (Hadits riwayat Ahmad, Ibnu Abi Syaibah, Abu Ya'la, dan al-Bukhari di dalam al-Adabu al-Mufrad).

(٣) عن عبد الله بن عمر أنه صلى الله تعالى عليه وسلم قال "ما من أحد من الناس يصاب ببلاء في جسده إلا أمر عز وجل الملائكة الذين يحفظونه قال: اكتبوا لعبدي في كل يوم وليلة ما كان يعمل من خير ما كان في وثاقه.

Bermaksud: "Abdullah bin 'Amar (bin al-'Aash) meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tiada seorang pun manusia yang ditimpa bala bencana pada tubuhnya melainkan Allah memerintahkan para malaikat yang menjaganya dengan berkata: "Tulislah untuk hambaKu pada setiap hari dan malam apa-apa kebaikan yang selalu dilakukannya selagi ia berada dalam ikatanKu. (Hadits riwayat Ahmad, Ibnu Abi Syaibah, al-Haakim, ad-Daarimi, al-Bazzaar, at-Thabaraani dan al-Bukhari di dalam al-Adabu al-Mufrad).

Imam Bukhari dan al-Baihaqi meriwayatkan hadits 3091 di atas melalui sanad Yazid bin Harun daripada al-'Awwam bin Hausyab.

Di dalam Sahih al-Bukhari hadits ini tersebut di bawah Kitab al-Jihad pada: باب يكتب للمسافر من ما كان يعمل في الإقامة.

Hadits ini juga menunjukkan orang-orang yang tidak dapat ikut serta bersembahyang jama'ah atau berjihad dan lain-lain kerja kebaikan, kerana sesuatu keuzuran yang diharuskan di sisi syara', tetap mendapat pahala seperti orang-orang yang menyertainya.

²⁴ Idhafat perkataan عيادة kepada النساء di dalam tajuk bab di atas adalah idhafat mashdar kepada maf'ulnya. Taqdirnya ialah عيادة الرجل النساء (Bab Pada Menyatakan Hukum Lelaki Melawat Wanita). Di dalam sesetengah nuskah tiada tajuk bab di sini.

Pada dasarnya hukum lelaki melawat wanita yang sakit adalah harus bahkan mustahab, walaupun bukan mahramnya, sebagaimana harus dan mustahab (elok) lelaki melawat lelaki yang sakit dan wanita melawat wanita yang sakit.

Larangan melawat wanita dan sebaliknya yang bukan mahram baru ada apabila ia boleh menimbulkan fitnah, atau mereka berada dalam khulwah (keadaan berdua-duaan) tanpa kewujudan mahram bersama.

Antara bukti keharusannya dan memang ia disyaratkan ialah hadits ke-3092 di atas. Nabi s.a.w. telah melawat salah seorang sahabat wanitanya yang bukan mahram bernama Ummul 'Alā'.

٣٠٩٢ - حَدَّثَنَا سَهْلُ بْنُ بَكَّارٍ عَنْ أَبِي عَوَانَةَ عَنْ عَبْدِ الْمَلِكِ بْنِ عُمَيْرٍ عَنْ أُمِّ الْعَلَاءِ قَالَتْ عَادَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا مَرِيضَةٌ فَقَالَ ابْشِرِي يَا أُمَّ الْعَلَاءِ فَإِنَّ مَرَضَ الْمُسْلِمِ يَذْهَبُ اللَّهُ بِهِ خَطَايَاهُ كَمَا تَذْهَبُ النَّارُ خَبِثَ الذَّهَبُ وَالْفِضَّةُ.

3092 - Sahl bin Bakkār²⁵ meriwayatkan kepada kami daripada Abi 'Awānah²⁶ daripada 'Abdīl Malik bin 'Umair²⁷ daripada Ummī al-'Alā',²⁸ beliau berkata, Rasulullah s.a.w. pernah melawatku ketika aku sedang sakit.²⁹ Lalu Baginda s.a.w. bersabda: "Bergembiralah wahai Ummal 'Alā', kerana Allah

²⁵ bin Bisyr ad-Dārimī al-Bashrī. Abu Bisyr adalah kunyahnya. Sahl seorang perawi tsiqah, walaupun kadang-kadang ada juga berlaku waham (kekeliruan) kepadanya. Dia adalah perawi Bukhari, Abu Daud dan an-Nasaa'i. Meninggal dunia pada tahun 227 Hijrah.

²⁶ Nama sebenarnya ialah Waddhāh bin 'Abdillāh al-Yasykūrī. Abu 'Awānah adalah seorang perawi tsiqah, dan beliau merupakan salah seorang perawi kenem-enam kitab utama hadits. Abu 'Awānah meninggal dunia pada tahun 176 Hijrah.

²⁷ Al-Farasi al-Lakhmi al-Kufi al-Qibthi. Abu 'Umar adalah kunyahnya. Beliau juga tsiqah dan merupakan salah seorang perawi kenem-enam kitab utama hadits. 'Ali bin al-Madīni berkata, "Beliau mempunyai sekitar dua ratus hadits sahaja." Walaupun 'Abdūl Malik seorang perawi tsiqah, tetapi dia juga perawi shadūq dan mudallis. Di sini beliau telah meriwayatkan daripada Ummul 'Alā' secara 'an'anah. Kerana itulah kebanyakan 'ulama' hadits tidak menerima hadits ini sebagai sahih. Paling tinggi pun mereka menganggapnya hasan. 'Abdūl Malik meninggal dunia pada tahun 136 Hijrah ketika berumur lebih seratus tahun.

²⁸ Salah seorang sahabat wanita (Shahābiyyah) Nabi s.a.w. Inilah satu-satunya hadits beliau di dalam Sunan Abi Daud. Haditsnya selain diriwayatkan oleh 'Abdūl Malik bin 'Umair diriwayatkan juga oleh anak saudaranya Hīzām bin Hākīm bin Hīzām al-Anshārī.

²⁹ Ibnu as-Sakan berkata, "Nabi s.a.w. telah melawatnya." Beliau (Ibnu as-Sakan) telah mengemukakan haditsnya daripada penduduk Syam, kemudian beliau dan Ibnu Mandah mengemukakan (pula) riwayat daripada sahurān az-Zubaidi daripada Yunus bin Saif, bahawa Hīzām bin Hākīm meriwayatkan kepadanya daripada emak saudara sebelah bapanya, iaitu Ummul 'Alā'. Bahawa Rasulullah s.a.w. telah melawatnya ketika beliau demam. Baginda melihatnya dalam keadaan sedang mengerang kesakitan lantaran terlalu kuat demamnya.

Kata Ibnu as-Sakan, "Aku tidak menemui haditsnya selain hadits ini."

menghilangkan dosa-dosa seseorang muslim dengan sebab sakitnya sebagaimana api menghilangkan kotoran emas dan perak.³⁰

٣٠٩٣ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ حَدَّثَنَا يَحْيَى ح وَحَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ حَدَّثَنَا غُنْدُافُ بْنُ عُمَرَ قَالَ أَبُو دَاوُدَ وَهَذَا لَفْظُ ابْنِ بَشَّارٍ عَنْ أَبِي عَامِرٍ الْحَزَّارِيِّ عَنْ ابْنِ أَبِي مُلَيْكَةَ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي لَأَعْلَمُ أَشَدَّ آيَةٍ فِي الْقُرْآنِ قَالَ آيَةُ آيَةٍ يَا عَائِشَةُ قَالَتْ قَوْلُ اللَّهِ تَعَالَى {مَنْ يَعْمَلْ سُوءًا يُجْزَ بِهِ} قَالَ أَمَا عَلِمْتَ يَا عَائِشَةُ أَنَّ الْمُسْلِمَ إِذَا تَصَيَّبَهُ التَّكْبَةُ

³⁰ Antara pengajaran, panduan, pedoman dan hukum-hukum yang terdapat di dalam hadits ini ialah:

- (1) Lelaki juga disyariatkan melawat wanita yang sakit dengan syarat ia dapat menjaga batas-batas dan adab-adab syariat. Hukumnya harus dan mustahab (elok) juga, seperti lelaki melawat lelaki dan wanita melawat wanita.
- (2) Peristiwa ini menunjukkan kemuliaan Ummul 'Alā' pada pandangan Nabi s.a.w. dan menunjukkan juga sifat merendahkan diri Baginda. Sebagaimana hati sahabat-sahabat lelaki dijaganya, hati sahabat-sahabat wanitanya juga dijaga.
- (3) Pelawat hendaklah menenangkan hati pesakit yang dilawatinya dengan memberikan berita-berita gembira yang sebenar seperti dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.
- (4) Hadits ini mengajar umat Islam supaya menerima taqdir Allah s.w.t. untuk mereka dalam kehidupan di dunia ini.
- (5) Penyakit-penyakit yang menimpa orang-orang Islam yang bersabar menghadapinya boleh menghapuskan dan membersihkan dosa dan nodanya.
- (6) Berita gembira ini hanya khusus untuk orang-orang Islam sahaja.
- (7) Nabi s.a.w. selalu menggunakan perbandingan dan perumpamaan dalam hadits-haditsnya. Bersihnya manusia daripada dosa-dosa apabila ditimpa penyakit diumpamakan dengan bersihnya emas dan perak daripada kotoran apabila dipanaskan dengan api.

Hadits 3092 ini hanya bertaraf hasan kerana di dalam sanadnya ada 'Abdul Malik bin 'Umair. Beliau seorang perawi shadūq dan mudallis walaupun disebut tsiqah oleh sesetengah 'ulama' Rijāl hadits. Al-Mundzirī dan lain-lain juga mengatakan ia hasan. Hadits ini dikemukakan juga oleh 'Abd bin Hūmaid di dalam al-Muntakhab Min Musnad 'Abd bin Hūmaid daripada hadits Abi 'Awānah dengan sanad yang sama, lihat hadits no:1564, at-Thabaraani di dalam al-Mu'jam al-Kabīr j.25 m/s 141, dan Abu Nu'aim di dalam Ma'rifatu as-Shahābah j.24 m/s 300. Al-Haitsami mengemukakannya melalui beberapa saluran riwayat di dalam Majma' az-Zawā'id j.2 m/s 307.

أَوْ الشُّوْكَهُ فَيَكْفَأُ بِأَسْوَأِ عَمَلِهِ وَمَنْ خُوسِبَ عَذَابٌ قَالَتْ أَلَيْسَ اللَّهُ يَقُولُ {فَسَوْفَ يَحَاسِبُ حِسَابًا يَسِيرًا} قَالَ ذَاكُمُ
الْغَرَضُ يَا عَائِشَةُ مِنْ نُوقِشَ الْحِسَابُ عَذَابٌ.

قال أبو داود وهذا لفظ ابن بشار قال حدثنا ابن أبي مليكة.

3093- Musaddad (bin Musarhad) meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya (bin Sa'id al-Qatthān) meriwayatkan kepada kami, Muhammad bin Basysyar juga meriwayatkan kepada kami, katanya: "Utsman bin 'Amar"³¹ meriwayatkan kepada kami. Abu Daud berkata, ini adalah lafazh (matan riwayat) Ibnu Basysyar, daripada Abi 'Aamir al-Khazzāz,³² daripada Ibnu Abi Mulaikah ('Abdullah bin 'Ubaidillah) daripada 'Aaishah, katanya: Aku pernah berkata: "Wahai Rasulallah, sesungguhnya aku mengetahui ayat al-Qur'an yang paling

³¹ Bin Sāj al-Qurasyī, Abu Sāj al-Jazari, Maula Bani Umaiyiyah. Kadang-kadang 'Utsman dibinkan kepada datuknya. Beliau meriwayatkan hadits daripada az-Zuhri (secara mursal), Muhammad bin Ishaq, 'Amar bin Tsābit, Isma'il bin Umaiyiyah dan ramai lagi orang-orang lain. Sa'id bin Sālim, al-Mu'tamir bin Sulaiman, Muhammad bin Yazid dan lain-lain pula adalah antara orang-orang yang meriwayatkan hadits daripadanya. Abu 'Arūbali menyebutnya dalam thabaqah ke-3 Tābi'in.

Kata Abu Haatim, "Haditsnya boleh ditulis, tetapi tidak boleh dijadikan hujah", Ibnu Hibbaan menyebutnya dalam perawi-perawi tsiqāt. Al-'Uqaili berkata, "Tidak ada orang yang turut meriwayatkan haditsnya". Hafizh Ibnu Hajar di dalam at-Taqrīb pula berkata, "Padanya ada kelemahan." Haditsnya diriwayatkan oleh Abu Daud dan an-Nasaa'i.

³² Beliau ialah Shāleḥ bin Rustam al-Muzani, Maula mereka, al-Bashri. Para ulama hadits berbeda pandangan tentang kedudukannya dan hadits-hadits yang diriwayatkannya.

Ibnu Ma'in berkata, "Abu 'Aamir dha'if". Yahya berkata, "langsung tidak bernilai". Ahmad berkata, *صالح الحديث* (seorang perawi yang ada kelayakan dalam menerima dan menyampaikan hadits di samping haditsnya juga boleh ditulis), al-'Ijli berkata, *جائر الحديث* (perawi yang walaupun lemah tetapi haditsnya boleh ditulis utk i'tibar), Abu Haatim berkata, "Haditsnya boleh ditulis tetapi tidak boleh dijadikan hujah." Ad-Daraqutni dan Abu Ahmad al-Haakim berkata, "Tidak kuat." Ibnu 'Adi berkata, *عزير الحديث* (seorang perawi yang tidak banyak haditsnya).

Antara tokoh ulama hadits yang dinukilkan telah berkata Abu 'Aamir al-Khazzāz seorang perawi tsiqah pula ialah Abu Daud at-Thayālisi, Abu Daud as-Sijistāni, Abu Bakar al-Bazzaar, Muhammad bin Waddhāfi dan Ibnu Hibbaan. (Lihat Tahdzīb at-Tahdzīb j.4 m.s 391).

keras.³³ Baginda s.a.w. bertanya, "Ayat apakah itu wahai 'Aaishah?" 'Aaishah menjawab, firman Allah Ta'ala (yang bermaksud), "Sesiapa yang melakukan apa-apa kejahatan, ia akan dibalas dengan (sebab)nya." (an-Nisā':123).³⁴ Baginda s.a.w. bersabda, "Tidakkah engkau tahu bahawa seseorang mu'min yang ditimpa musibah atau (terkena) duri (pun sudah) dikira sebagai balasan bagi perbuatannya yang paling buruk? Sesiapa yang dihisab, ia akan diazab." 'Aaishah bertanya, "Bukankah Allah telah berfirman (bermaksud), "Maka dia akan dikira (dihisab) dengan perkiraan (hisab) yang mudah?" (al-Insyiqāq:8).³⁵ Baginda s.a.w. bersabda, "Itu hanyalah pembentangan amalan wahai 'Aaishah.³⁶ Sesiapa yang kira-kira amalannya dipersoal, maka ia akan diazab."³⁷

³³ berat lagi menakutkan diriku sendiri dan orang-orang Islam lain.

³⁴ Sebabnya 'Aaishah menganggap firman Allah ini paling keras dan berat ancamannya ialah kerana perkataan *من* di dalamnya merupakan salah satu lafaz umum yang merangkumi semua orang, baik kafir mahupun mu'min. Perkataan *يو* pula nakirah di halaman ayat syarat. Ia juga mengandungi erti umum merangkumi semua kejahatan atau dosa, baik besar mahupun kecil. Beliau pula belum mengetahui pada ketika itu bahawa setiap penyakit dan malapetaka yang menimpa orang mu'min dapat menghapuskan dosa-dosanya.

³⁵ Bukankah firman Allah ini menunjukkan orang yang dihisab dengan mudah tidak akan diseksa? Bukankah firman Allah seterusnya juga menunjukkan begitu?

وَيَنْقَلِبُ إِلَىٰ أَهْلِهِ مَسْرُورًا ۝

Bermaksud: Dan ia akan pergi kepada keluarganya (yang beriman) dengan sukacita. (al-Insyiqāq:9).

Jadi apakah ertinya "Sesiapa yang dihisab, ia akan diazab" itu? Maksudnya sebagaimana dijelaskan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. di akhir hadits ini ialah "Sesiapa yang kira-kira amalannya dipersoal, maka ia akan diazab."

³⁶ Maksudnya ialah itu hanya pembentangan dosa-dosa manusia di hadapan Allah bukan lagi hisab sebenar-benarnya.

³⁷ Orang yang dihisab sebenar-benarnya ialah orang yang kira-kira amalannya dipersoal dan diperiksa segala yang besar dan kecil daripadanya.

Hadits ini sebetulnya tidak sesuai terletak di bawah *باب عيادة النساء* (Bab Melawat Wanita Yang Sakit), ia lebih sesuai terletak di bawah bab sebelumnya, iaitu *باب الأمراض المكفرة* (Bab Penyakit-Penyakit Yang Menghapuskan Dosa-Dosa), memandangkan Rasulullah s.a.w. telah bersabda di dalamnya: *أما علمت يا عائشة أن المؤمن تصيبه النكبة أو الشوكة فيكفها بأسوا عليه* Bermaksud: "Tidakkah engkau tahu bahawa seseorang mu'min yang ditimpa musibah atau (terkena) duri (pun sudah) dikira sebagai balasan bagi perbuatannya yang paling buruk?"

Kata Abu Daud, "Ini adalah lafazh Ibnu Basysyar, beliau berkata, "Ibnu Abi Mulaikah meriwayatkan kepada kami."³⁸